

Boleh beli secara terang-terangan tanpa had

Golok: Peniaga di Golok, Thailand, memilih untuk menjual minyak masak dari Malaysia, berikutan permintaan tinggi pengguna disebabkan harganya lebih murah daripada minyak tempatan.

Minyak masak subsidi dari Malaysia dijual antara RM6.50 dan RM7.50 satu paket seberat sekilogram, manakala minyak soya Thailand berharga RM9 hingga RM9.50 sekilogram.

Peniaga mendapat keuntungan lebih rendah antara 20 sen dan 50 sen sahaja daripada jualan minyak subsidi Malaysia, berbanding 50 sen hingga 80 sen bagi minyak tempatan, namun terpaksa menjual minyak dari Malaysia berikutan permintaan tinggi pengguna.

Peniaga mendakwa, pengguna akan memilih dan membeli

minyak Malaysia terlebih dahulu dan hanya membeli minyak tempatan apabila terdesak walaupun rasa kedua-dua minyak ini hampir sama.

Peniaga makanan dan restoran di Golok juga memilih untuk menggunakan minyak masak subsidi di premis mereka, sedangkan di negara ini, minyak masak subsidi yang dijual pada harga RM2.50 satu paket dikhususkan bagi memenuhi keperluan rakyat, khususnya B40 dan bukan peniaga, termasuk pengusaha restoran.

Subsidi yang diperkenalkan sejak Jun 2007 membabitkan 60,000 tan minyak masak sebulan, melebihi keperluan sebenar pengguna iaitu 55,000 tan sebulan, dengan peruntukan RM4 bilion tahun ini, berbanding RM500 juta pada 2020 dan RM2.3

bilion pada 2021.

Subsidi ditanggung kerajaan untuk minyak masak berpaket ini membolehkan ia dijual RM2.50 sekilogram ketika ini, berbanding harga pasaran sebenarnya iaitu RM9 sekilogram bagi kegunaan domestik.

Tinjauan *BH* di pekan itu mendapati, minyak subsidi Malaysia dijual secara terang-terangan dan tanpa had, malah digunakan di gerai makanan dan restoran.

Peniaga yang mahu dikenali sebagai Murni, 32, berkata beliau menjual minyak subsidi Malaysia itu sejak 10 tahun lalu ketika berniaga di kawasan berkenaan.

"Sebenarnya, untuk peringkat peruncit seperti saya, keuntungan menjual minyak masak subsidi ini sangat sedikit

iaitu sekitar 40 hingga 50 sen sahaja, berbanding menjadi orang tengah atau pembekal.

"Namun, kita terpaksa menjualnya disebabkan permintaan tinggi. Boleh dikatakan semua pelanggan membeli minyak Malaysia dahulu dan minyak Thailand laku ketika waktu terdesak sahaja.

"Saya menjual minyak Malaysia dengan harga RM6.50 hingga RM7 kerana harga yang dijual kepada saya sudah tinggi iaitu RM107 sekotak (RM6.29 satu paket)," katanya.

Minyak subsidi Malaysia ini bukan sahaja dijual secara berleluasa di Golok, malah dikatakan sampai ke Yala dan Narathiwat, yang masing-masing terletak lebih 140 kilometer (km) dan 68km dari Golok.

Harganya lebih mahal berbanding

di Golok, namun permintaan tetap tinggi berikutan ia lebih murah berbanding minyak tempatan.

Penduduk yang mahu dikenali sebagai Hasmah, 45, berkata bekalan di Yala dan Narathiwat tidak sebanyak di Golok, namun ia tetap ada di dua daerah itu.

"Saya tinggal di Golok, namun setiap kali ke Yala dan Narathiwat mudah mendapatkan minyak masak Malaysia di sana.

"Jualan minyak masak Malaysia bukan perkara baharu di Thailand. Sudah terlalu lama ia dijual di sini, macam beras Siam yang digunakan rakyat Malaysia," katanya.

Peniaga yang dikenali sebagai Mah, 60, turut menjual minyak masak Malaysia dan hanya menggunakan minyak masak itu untuk kegunaan harian.